

BAHAGIAN B
[40 markah]
Jawab semua soalan

SOALAN A

Isikan tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

Mercu tanda	lencana	pengglasieran	nama jalan	alamat
Pentas Sunda	Bendera	bentuk muka bumi	Johor Bharu	Guru Besar

- 1 Alamat sekolah akan mengandungi maklumat nama tempat, _____, poskod dan nama negeri.
- 2 _____ merupakan sesuatu objek yang mudah dikenal pasti seperti bangunan, pokok atau binaan sebagai panduan menentukan lokasi sesuatu tempat.
- 3 Setiap sekolah mempunyai identiti seperti _____, lagu dan bendera sekolah.
- 4 _____ melambangkan kemegahan dan kebanggaan sesuatu sekolah.
- 5 Sesebuah sekolah akan diterajui oleh seorang _____ dengan dibantu oleh Penolong Kanan Pentadbiran, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid dan Penolong Kanan Kokurikulum.
- 6 Maklumat yang mesti ada pada _____ ialah nombor rumah, nama jalan, poskod, nama bandar dan nama negeri.
- 7 Setiap kawasan tempat tinggal mempunyai _____ yang berbeza-beza seperti kawasan tanah tinggi, tanah pamah, pesisir laut dan pinggir sungai.
- 8 Tanjung Puteri ialah nama asal bagi _____.
- 9 Pada Zaman Air Batu Akhir akan berlakunya proses _____ atau kecairan air batu akibat peningkatan suhu bumi.
- 10 Kenaikan paras air laut di _____ berlaku akibat perubahan suhu pada Zaman Air Batu Akhir.

[10 markah]

[Lihat halaman sebelah]